

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL  
RAHMAN [ PASIR SALAK ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [ PASIR SALAK ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf Kompleks Sejarah Pasir Salak sebagai Pusat Tarikan Pelancongan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman, Kompleks Sejarah Pasir Salak adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak dan bukannya di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).
2. Pada masa ini, pemertaan Kompleks Sejarah Pasir Salak di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] belum merangkumi keseluruhan kompleks tersebut. Sehingga kini, hanya Tugu Birch Pasir Salak yang berada di kompleks tersebut yang telah diwartakan di bawah Akta 645 bagi katagori monumen. Sementara itu, Rumah Dato' Maharajalela kini telah disenaraikan dalam Inventori Jabatan Warisan Negara (JWN). Ia kini melalui kajian terperinci untuk dinilai kriteria yang berkaitan bagi tujuan pemertaan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM100,000 bagi menaik taraf anjung dan lantai kayu di Kompleks Sejarah Pasir Salak.
4. Bagi cadangan pembangunan projek pelancongan di bawah RMK-12 yang akan datang, MOTAC ini akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan negeri seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat berhubung sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Perak amnya dan di Pasir Salak khususnya. Hal ini bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan yang bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan malah menyumbang kepada penjanaaan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.